



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 24 NOVEMBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10.	PROMOSI CIRI-CIRI NEGERI, HPPNK 2019, SH -3 BIAR TUN M NILAI PRESTASI, LOKAL, HM -17 MAT SABU PERTAHAN SALAHUDDIN, NASIONAL, SH -1 GESA SPRM SIASAT ISU TENDER RM1 BILION NAFAS, NASIONAL, SH -8 MENTERI BERI KONTRAK SALAH DARI SEGI MORAL, NASIONAL, SH -8 BUKAN SERANGAN POLITIK, NASIONAL, SH -8 MINISTRY ALLOCATES RM20 MIL TO DEVELOP YOUNG AGROPRENEURS, NEWS, NEW SARAWAK TRIBUNE -10 SALAHUDDIN: PARTICULAR ISSUE NEVER EXIST, NATION, KWONG WAH YIT POH -A3 SIM: OVER RM1 MILLION ALLOCATED FOR EDUCATION PURPOSE, NATION, KWONG WAH YIT POH -A4 SIM TZE TZIN URGES AQUACULTURE OPERATORS TO EXPLORE NEW MARKETS FOR SURVIVAL, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A24	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
11.	RM242,000 ALLOCATION FOR SLIPWAY, JETTY PROJECTS, NEWS, NEW SARAWAK TRIBUNE -10	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
12. 13. 14.	RAMKARPAL: MORALLY WRONG FOR MINISTERS TO AWARD CONTRACTS, NATION, THE STAR -6 CILI SIAM FERTIGASI, XPRESI, METRO AHAD -36 MENTERI PERTANIAN LEPAS EKSPOR PRODUK OLAHAN AYAM KE TIMOR LESTE DAN JEPANG, NEWS, MALAYSIA SHAFQAQA -5	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/11/2019	SINAR HARIAN	HPPNK 2019	3



PROMOSI CIRI-CIRI NEGERI

13 Paviliun jadi tarikan HPPNK 2019

Melalui kecanggihan teknologi, lebih banyak peroduk pertanian dapat dihasilkan dengan lebih efektif dan secara tidak langsung ia dapat menerajui kedaulatan makanan negara sekaligus menjadikan negara mengamalkan pertanian moden sepenuhnya menjelang 2030.

- Salahuddin Ayub

Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2019 dijangka menarik kehadiran 500,000 pengunjung dan menjana RM30 juta transaksi sepanjang empat hari penganjurannya di Angsana Johor Bahru Mall, Johor bermula 28 November hingga 1 Disember depan.

Menurut Menteri Pertanian Industri & Asas Tani, Salahuddin Ayub, LPP sebagai agensi pelaksana akan memberikan peluang dan ruang kepada masyarakat peladang, penternak dan nelayan, sama ada melalui pemerhatian serta pembelajaran dalam teknologi baharu pertanian, mencari ruang pasaran, mempamer serta mempromosi produk masing-masing.

"HPPNK 2019 diadakan di Johor sempena Tahun Melawat Johor 2020 dan setiap tahun sambutan ini diadakan sebagai tanda kerajaan menghargai sumbangan peladang, penternak dan nelayan yang menjadi penyumbang utama makanan di negara ini," katanya kepada Sinar Harian.

Bellau berkata, HPPNK pada tahun ini merupakan salah satu platform kepada peladang, penternak dan nelayan untuk menentang dengan hasil-hasil pertanian dan teknologi terkini serta membuka peluang perniagaan kepada mereka yang berminat dengan sektor itu.

"HPPNK tahun ini menghimpunkan segala hasil dan bahan pertanian terbaik dari seluruh negara dan dijangka mendapat sambutan dengan beberapa tarikan baharu," katanya.

Menurutnya, HPPNK 2019 mesyuaratkan semua lapisan masyarakat peladang di seluruh negara dan dijangka turut menarik pengunjung dari negara jiran seperti Singapura serta Indonesia.

Katanya, Angsana Johor Bahru Mall dipilih kerana lokasinya yang strategik dan menjadi tumpuan pengunjung sekitar Johor Bahru. "Di tapak ini, kita akan bangukan

marqueeent besar yang akan memuatkan enam aktiviti utama iaitu makanan dan minuman, gaya hidup, kesejahteraan, hasil pertanian, agro teknologi dan pembangunan modal insan.

"Aktiviti merangkumi 15 komponen iaitu, pertandingan HPPNK dan konvensyen, showcase agro teknologi, mekanisasi dan automasi, agro pelancongan, agro kulinari, agro belia, empayar makanan, jualan segar, MySeafood, Forum Perdana Ethwal Islam, budaya dan seni, kenduri rakyat nasi ambeng, hasil pertanian, perikanan dan temakan," katanya.

13 PAVILION NEGERI TARIKAN UMUM
HPPNK sinonim dengan ekspo-pameran dan jualan kedua terbesar di Malaysia selepas Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Antarabangsa (MAHA).

Salahuddin berkata, pengunjung boleh menikmati pengisian aktiviti dan pengalaman pertanian di lapan ruang tapak utama serta terdapat 13 paviliun negeri yang masing-masing mempunyai reka bentuk unik.

Menurutnya, paviliun-paviliun negeri menampilkan ciri-ciri negeri-negeri di Malaysia termasuk produk, makanan, kebudayaan dan lain-lain.

Katanya, satu lagi tarikan ialah jualan bahan-bahan pertanian dan makanan antaranya produk-produk Industri Asas Tani (IAT), buah-buahan dan sayuran segar, anak pokok dan bunga-bunga, ikan, makanan laut segar serta kerang-kerangan.

"Forum Perdana Ethwal Islam akan diisytiharkan secara langsung buat julung kalinya dari tapak HPPNK 2019 di Angsana Johor Bahru Mall pada 28 November 2019," katanya.

Forum dibawakan khas oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan AgroBank bersama-sama Jabatan Kemajuan Islam

Malaysia (Jakim), Radio Televisyen Malaysia (RTM), Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINU) dan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAUI).

Forum Perdana kali ini menampilkan panel-panel berwibawa iaitu Datuk Ahmad Badlishah Aiaudin, Ustaz Ghazali Ibrahim, Sahibus Samahah Datuk Yahya Ahmad dan Mohd Hari Mat Daud sebagai moderator.

Salahuddin berkata, bagi elemen baharu HPPNK kali ini, Melayu Budaya dan Senitani bakal menampilkan persembahan kebudayaan seperti zapin, puisi, sajak, syair, teater menunggu kata dari tuhan, angklung dan konsert artis jemputan seperti Datuk Ramli Sarip dan Nabila Razali pada malam kedua dan ketiga HPPNK 2019.

Katanya, HPPNK sentiasa popular dengan jualan segar hasil pertanian, makanan dan minuman yang mana 345 menu juadah popular yang bakal menentang menu etnik dari seluruh Malaysia akan dibawakan.

"Makanan mencerminkan budaya dan warisan sesebuah bangsa. Makanan menyatukan kita dan dengan makanan juga kita bersatu dengan 13 negeri bergabung dalam menonjolkan kepelbagaian rencah rasa dan budaya negeri dalam satu 'Empayar Makanan' di HPPNK 2019."

"Empayar Makanan HPPNK 2019 kali ini akan menonjolkan pelbagai menu etnik dan warisan dari setiap negeri di Malaysia seperti laksa, buntut sup, char kuew teow, rendang tok, nasi lemak, masak lemak cili api, asam pedas, otak-otak, keropok lekor, pudding raja, nasi kerabu, nasi dagang, mee kolok dan lakok serta pelbagai jenis kuih tradisional," katanya.

Bellau berkata, pameran jabatan dan agensi swasta berasaskan pertanian juga tidak ketinggalan diadakan sepanjang tempoh empat hari tersebut.

MILIK JENAMA, TRADISI DAN PENGIKUT SENDIRI
Sambutan pelbagai pihak terhadap HPPNK 2019 amat menggalakan dan sekurang-kurangnya 350 gerai jualan dibuka untuk disewa dalam kluster pemasaran produk sepanjang HPPNK nanti.

Salahuddin berkata, produk-produk yang akan ditentang nanti akan disegmenkan melalui ciri-ciri seperti ready to export (RTE), nilai estetik, wellness, celebrity corner, produk kering, jualan segar dan basah, makanan dan minuman.

Booth-booth jualan dibuka untuk tempahan dan 90 peratus booth jualan telah ditempah. Mereka yang berminat mendapatkan tapak, boleh menghubungi talian 03-89484699 dan 016-20173452 atau emel pemasaranproduk@hppnk2019@gmail.com.

"Saya yakin kita boleh mencapai sasaran 500,000 orang pengunjung kerana HPPNK



mempunyai jerama, tradisi dan pengikutnya sendiri.

"Kita ada pelbagai tarikan baharu seperti kenduri rakyat nasi ambeng, budaya dan seni serta job fair," kata Salahuddin.

Bellau berkata, tema Makanan Kita Masa Depan Kita dikekalkan pada tahun ini kerana sinonim dan relevan dengan dasar serta hala tuju Kementerian yang didokumenkan melalui Halaju Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani - Prioriti dan Strategi 2019-2020.

KONSEP PEMODERNAN PERTANIAN, TEKNOLOGI
HPPNK 2019 menentangakan konsep pemodernan pertanian dan teknologi dalam industri agromakanan negara.

Melalui kecanggihan teknologi, lebih banyak produk pertanian dapat dihasilkan dengan lebih efektif dan secara tidak langsung dapat menerajui kedaulatan makanan negara, sekali gus menjadikan negara mengamalkan pertanian moden sepenuhnya menjelang 2030.

Salahuddin berkata, antara yang menarik bakal dipamerkan di HPPNK 2019 adalah dron yang boleh digunakan dalam sektor pertanian dan Internet of Things bagi menggalakan Industri pertanian Malaysia beralih kepada Internet-based Agriculture, menerusi penggunaan Teknologi Digital dan IR 4.0.

"HPPNK 2019 turut menentangakan kepentingan pemodernan, teknologi dan inovasi pertanian dalam industri agromakanan negara serta dijangka akan menyediakan pelbagai ruang untuk perdagangan, pelaburan, kerjasama dan pemindahan teknologi.

Ia juga menjadi platform perkongsian idea untuk membangunkan import dan eksport pasaran sekali gus menjalin pakatan antarabangsa serta membina strategi untuk meningkatkan pasaran saingan," katanya.

Bellau berkata, penganjuran sambutan seperti ini diharap dapat menarik minat golongan muda menceburi bidang pertanian dan memberikan semangat kepada golongan peladang, penternak dan nelayan kerana usaha itu boleh menjana pendapatan yang tinggi bagi mereka yang berkemampuan dalam bidang pertanian.

JOM KE HPPNK 2019
HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KEBANGSAAN

diorganisasikan oleh:

345 MENU ETNIK

350 GERAI USAHAWAN

TRAK MAKANAN

AKTIVITI MENARIK

PAMERAN HASIL PERTANIAN TEKNIK DAN ANTIKULTUR

AGRO BELIA	AGRO PELANCONGAN
AGRO KULINARI	KONVENSYEN HPPNK
FORUM PERDANA	BUKUTIA DAN SENITANI
JUALAN TANJANG	PERKEMBANGAN HPPNK

28 NOVEMBER - 1 DISEMBER 2019

PADANG A & PADANG B, ANGSANA JOHOR BAHRU MALL

10.00 PAGI - 10.00 MALAM

#hppnk2019
#hppnk2019
#makanankitamasadepan Kita
HPPNK 2019

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/11/2019	HARIAN METRO	LOKAL	17

Biar Tun M nilai prestasi

Ipoh: Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub menyerahkan kepada kebijaksanaan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohammad untuk menilai prestasinya sebagai Menteri.

Menurut Salahuddin, hanya Perdana Menteri yang akan menilai prestasi semua Menteri Kabinet dan pihaknya akur dengan keputusan yang akan dibuat.

“Untuk menilai prestasi Menteri Kabinet, kita serahkan sepenuhnya kepada Tun sebagai Perdana Menteri dan tidak ada seorang pun daripada kami (Menteri Kabinet) boleh mendakwa dialah yang paling bagus atau sebaliknya,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/11/2019	SINAR HARIAN	MUKA DEPAN	1



MOHAMAD SABU



RAMKARPAL SINGH

MAT SABU PERTAHAN SALAHUDDIN

Presiden Parti Amanah Negara (Amanah), Mohamad Sabu menyifatkan tindakan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub memohon untuk memberi tender secara terus kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) adalah langkah terbaik untuk ahli-ahli persatuan itu yang terdiri daripada pelbagai kaum dan bangsa.



Bagaimanapun tindakan Salahuddin itu dikritik oleh Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh daripada DAP yang menganggap adalah salah dari segi moral untuk seorang menteri Pakatan Harapan memberikan projek.



SALAHUDDIN

Gesa SPRM siasat isu tender RM1 bilion Nafas

SHAH ALAM - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) digesa membuat siasatan berhubung dakwaan amalan salah guna kuasa susulan tindakan kerajaan membatalkan pemilihan tiga kontrak berkaitan padi melalui tender terbuka membabitkan nilai lebih RM1 bilion.

Presiden Malaysia Corruption Watch (MCW), Jais Abdul Karim berkata, siasatan segera perlu dilakukan kerana dakwaan tersebut sangat serius melibatkan kredibiliti dan integriti menteri dan kementerian yang berkaitan yang boleh dikenakan tindakan tata tertib sekiranya berlaku.

Beliau berkata, kerajaan Pakatan Harapan (PH) tidak boleh bertolak-ansur dengan sebarang salah laku dalam



JAIS

pentadbiran meskipun Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

"Mereka tetap perlu mematuhi segala syarat tender yang ditetapkan dan perlu akur dengan urusan tender. Janganlah demi untuk menjaga syarikat di bawah kementerian maka tender itu dibatalkan semata-mata syarikat atau agensi itu tidak mendapat tender tersebut.

"Saya risau jika ini akan menjadi satu trend, maka kita akan berdepan dengan pelbagai masalah pada masa hadapan," katanya di sini semalam.

Jais berkata, jika menteri membenarkan tindakan secara rundingan terus itu atau memperolok-olokkan prinsip pembaharuan yang mahu diikuti oleh kerajaan PH, ia akan memberi satu cerminan bahawa segala usaha itu akan menjadi sia-sia.

"Apabila kerajaan sudah membuka tender, syarikat-syarikat yang masuk tender termasuk Nafas sudah semestinya memberikan sebut harga yang terbaik di mana masing-masing mampu berikan.

"Lembaga tender tersebut telah membuat keputusan yang terbaik bagi pihak kerajaan," katanya.

Menteri beri kontrak salah dari segi moral

PETALING JAYA - Pemberian kontrak oleh menteri sama ada dalam bidang kuasa mereka atau sebaliknya adalah salah dari segi moral, kata Ahli Parlimen Gelugor, Ramkarpal Singh.

Justeru beliau berkata, kenyataan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa menteri berhak memberi kontrak, 'tetapi bukan di luar kawasan mereka' sebagai mengejutkan.

Katanya, ia bercanggah dengan prinsip pembaharuan yang mahu diikuti oleh kerajaan Pakatan Harapan (PH).

"Saya berharap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak dipengaruhi oleh kenyataan PM' dan menyiasat menteri yang disyaki menyalahgunakan kedudukan mereka dengan memberikan kontrak secara peribadi," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Katanya, beliau tidak maulum hak apakah yang



RAMKARPAL

dimaksudkan oleh Dr Mahathir kerana jika hak itu ada sekalipun, pemberian kontrak oleh menteri adalah salah dari segi moral, sama ada dalam bidang kuasa mereka atau sebaliknya.

"Ini kerana, antara lain, amalan sedemikian akan mewujudkan persepsi pilih kasih di pihak menteri terbabit," katanya yang juga Pengerusi Biro Undang-undang DAP Kebangsaan.

Beliau berkata, konsep tender terbuka bertujuan menggalakkan ketelusan

dalam bidaan kontrak dan menggalakkan persaingan dalam kalangan pembida, selain menarik mereka yang terbaik.

"Proses tender sedemikian bertujuan menghapuskan rasuah. Justeru proses pemberian kontrak kerajaan tidak boleh diletakkan di tangan mana-mana individu, apatah lagi seorang menteri.

"Malah atas prinsip inilah Janji 14 manifesto PH berikrar untuk meningkatkan usaha membanters rasuah," katanya.

Ramkarpal berkata, kenyataan Dr Mahathir akan menyebabkan menteri berfikir bahawa mereka boleh memberi kontrak 'selagi ia berada dalam bidang kuasa mereka'.

"Perkara inilah yang Harapan berjanji mahu hapuskan. Ketelusan dalam pemberian kontrak kerajaan mestilah menjadi keutamaan dalam usaha pembaharuan kita dan kita tidak boleh berkompromi tentangnya," katanya.

Bukan serangan politik

Sifatkan tindakan pemberian tender itu adalah langkah terbaik untuk persatuan

SYAJARATUEHU
MOHAMAD ROSLI

BYAN BARU

Pemberian tender Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) bukan satu serangan politik sebaliknya disifatkan sebagai langkah terbaik dalam membantu peladang negara.

Presiden Parti Amanah Negara (Amanah), Mohamad Sabu berkata, tindakan pemberian tender itu sebaliknya adalah langkah terbaik untuk ahli-ahli persatuan itu yang terdiri daripada pelbagai kaum dan bangsa.

Menurutnya, beliau mendedahkan isu itu dari sudut positif

kerana ia dapat menaikkan imej Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub dalam membantu golongan peladang.

"Ini bukan satu serangan politik kerana Nafas adalah satu pertubuhan peladang. Menteri diberi amanah untuk menjalankan tanggungjawabnya yang mana semua keuntungan daripada pemberian itu akan berbalik kepada persatuan (Nafas).

"Malah saya lihat, ia satu langkah terbaik kerana ahli-ahli peladang ini tidak kira kaum, semua ada dan majoritinya bumiputera. Serangan ini menaikkan imej menteri terlibat kerana beliau amat peka dengan nasib peladang yang mana, serangan itu juga memberi kekuatan kepada beliau," katanya pada sidang akhbar semalam.

Terdahulu, Mohamad yang juga Menteri Pertanian merasmikan Konvensyen Amanah Pulau Pinang ke-4 2019 di sini.

Sebelum ini, Salahuddin menegaskan bahawa urusan pemberian tender MOA kepada Nafas masih belum dimuktamadkan.



Mohamad memandangi isu pemberian tender MOA kepada Nafas sebagai langkah baik.

Salahuddin menegaskan bahawa proses itu telah dilaksanakan mengikut prosedur serta peraturan yang ditetapkan dan tidak berlaku skandal seperti didakwa.

Kata Salahuddin, apa yang dilakukan dalam kementerian adalah mengikut peraturan yang telah ditetapkan dan sentiasa menimbang serta memperjuangkan

kan nasib peladang dan petani.

Beliau turut menguak ada menulis surat kepada Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad untuk memohon lantikan terus kepada Nafas pada 7 November lalu namun perkara itu masih dalam peringkat perbincangan.

Isu pemberian tender itu di bangkitkan Presiden MCA, Da-

tuk Seri Dr Wee Ka Siong ketika sesi perbincangan di Dewan Rakyat beberapa hari lalu.

Ka Siong dilaporkan mendakwa tiga kontrak bernilai lebih RM1 bilion dibatalkan selepas MOA dikatakan mahu mengangguhkan projek kepada Nafas yang secara rundingan terus.

Sementara itu di KOTA BHARU, Pengarah Komunikasi Amanah, Khalid Abdul Samad mendakwa terdapat cubaan sabotaj dalam kalangan pegawai MOA dengan menganugerah dan membatalkan tender tanpa pengetahuan menteri.

"Tak ada orang suruh tender dia buat tender, tak ada orang suruh tarik balik dia tarik balik, supaya menjadikan dia isu.

"Ni dalam istilah politik, dalam bahasa Inggeris dia kata deep state ataupun kerajaan dalam kerajaan. Penyokong kerajaan lama yang sedang bergerak mengikut arahan daripada pemimpin-pemimpin yang lama untuk menimbulkan masalah," dakwanya pada program Bicara Bersama Menteri di Kota Bharu malam kelmarin.

Headline	Ministry allocates RM20 mil to develop young agropreneurs		
MediaTitle	New Sarawak Tribune (www.newsarawaktribune.com.my)		
Date	24 Nov 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	4
Order Rank	10	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 600
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,800

Ministry allocates RM20 mil to develop young agropreneurs

BACHOK: The Agriculture and Agro-Based Industry Ministry (MOA) has approved a RM20 million allocation for the development of young agropreneurs next year. Special officer to MOA Minister Wan Mohd Johari Wan Omar, said those selected would be given an all...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Salahuddin : Particular issue never exist		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	24 Nov 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A3	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	114 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,278
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,835



外传有股势力要推翻某领袖 沙拉胡丁:课题不存在

党打昔牛汝莪区部脸书专页一
的人民感恩晚宴。(取自诚信
信党威北打昔牛汝莪区部举办
沙拉胡丁阿育(左4)出席诚



(北海 23 日讯) 诚信党署理主席拿督斯里沙拉胡丁阿育强调，该党党选是在良好与和谐的气氛下进行，并没有出现外传有一股势力要把高职领袖拉下马的课题。

“目前，该党已进入州级党选的阶段，今天的州选在槟州与霹靂举行；至于柔佛、吉打、吉兰丹和登嘉楼，已先后完成州选程序。”

沙拉胡丁阿育也是农业与农基工业部长，他是于周五出席诚信党威北打昔牛汝莪区部举办的人民感恩晚宴后，如此表示。

他说，上述党选都是在良好与和谐的情况下进行。

“我没有听说，有一股势力要推翻某领袖，课题不存在。” #

Headline	Sim : Over RM1 million allocated for education purpose		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	24 Nov 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A4	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	265 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,971
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,914



沈志勤移交 40 万令吉拨款予双溪里蒙国中副校长诺依山，由其助理陈顺安等人陪同

(依坡 23 日讯)农业与农基工业部副部长兼峇株峇株区国会议员沈志勤今年总共拨出 108 万 4303 令吉 50 仙予选区内各溪流中小学、教育机构和图书馆，作为提升基本设施和器材等教学用途，整个教育用途的拨款占了其国会选区 200 万令吉拨款中的 54.21%。

他说，未来的职场需要的是有科技知识的人才，因此，在这些教育用途的拨款中，其中 31 万 852 令吉用来提升学校或学生的 STEM 发展用途，包括 4 万 2820 令吉安排该选区 11 所学校(即 450 名学生)进行 STEM 参观团；7 万 8100 令吉提升 6 所学校的 STEM 基本设施如精明课室、科学室和 STEM 活动；18 万 9932 令吉作为增添 14 所学校和该选区 3 间社区图书馆的科技器材如电脑、投影机、打印机等。

他说，除了州政府和中央政府每年制度化拨款给学校，他也从国会选区拨款中，给一些特别需求的学校，例如双溪里蒙国中，创校至今 18 年来都没有礼堂，导致该校大约 240 名下午班学生必须长期在太阳底下暴晒，等待上午放学才能进班上课。因此，他拨款 40 万令吉，把原有的篮球场改建为多用途的有盖礼堂，有关工程预计今年 12 月竣工。该校全校有 696 名学生，其中 108 名是特殊学生。

“另外，22 万 5963 令吉是用作提升该区 7 所学校的基本设施，例如增建学校科学室、提升厕所、维修屋顶和篱笆等；另 14 万 7488 令吉 50 仙则用作提升该区 13 所各溪流中小学的教学器材，例如添购音响系统、桌椅、冷气机等。”

当天，沈志勤也移交 6 万 7330 令吉予檳城双溪里蒙光华小学，作为提升该校科学室和工艺科技室，由该校董事主席蔡春民、家协副主席董建成和校长梁淑鸾代表接领。沈志勤也移交 40 万令吉拨款予双溪里蒙国中副校长诺依山，由其助理陈顺安陪同。#

沈志勤：予选区各源流学校 拨逾百万充教育用途



沈志勤(左2)移交6万7330令吉予光华小学，作为提升该校科学室和工艺科技室，由该校董事主席蔡春民(左3)、家协副主席董建成(左4)和校长梁淑鸾(右1)代表接领，左1为陈顺安。

Headline	Sim Tze Tzin urges aquaculture operators to explore new markets for survival		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	24 Nov 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A24	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	486 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,524
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,571



沈志勤吁将危机化转机 水产养殖业者受促拓新市场

檳城23日讯 | 农业及农基工业副部长沈志勤促请，受香港「反送中运动」影响的大马水产养殖业业者们，开拓更多的海外市场，或是直接把活鱼运往中国售卖，将目前的危机化为转机。

早前媒体报导，檳州威南地区的养殖业者申诉，受香港反送中运动影响，出口到香港的斑类活鱼的数量锐减，减幅更达50%至70%之间，导致养鱼业者们面对亏损。

沈志勤今日与檳州渔民协会代表进行对话受询时说，

养殖业者们不该单单依靠香港的市场，反之开拓更多海外市场，把鲜鱼售卖到更多的其他市场。据他了解，许多从大马运往香港的活鱼，部分活鱼是经香港，再转运到中国售卖。

「如今大马养殖业业者受香港政治局势影响，活鱼销售量锐减，养殖业业者们或许可以考虑把活鱼，直接销售到中

国市场。」

他指出，同时养殖业业者们或许可以考虑开发，与鱼相关的副产品如，鱼丸、鱼饼或鱼扒等产品，除了可以卖掉滞销的鱼外，也可以通过副产品的制作，增加业者们的收入。

此外，他也表示，今日与檳州渔民代表的对话会中，主要是探讨檳州渔民的问题。而

他了解，如今海洋渔获锐减，直接导致渔民的渔获及收入锐减，因此渔民们必须转型，以让自己可以持续生存。

「渔民们需要更先进的渔船或捕鱼技术，让渔民可以到更远的海域展开捕鱼活动。」

海上养殖业潜能大

他说，海上养殖业是拥有巨大潜能的行业，人们对海鲜的需求持续增加，但海里的海鲜持续减少，因此必依靠海上养殖业供应的渔获，以满足市场需求，因此也促请渔民转型成为养殖业业者。

他指出，该部已经拨款10万令吉，在威南高渊港口处，展开高技术的海上养殖场，该养殖场建造材料，是采用高密度和韧度的塑料材料，其建造费用比起目前海上养殖场的建造费更便宜，甚至经得起暴风巨浪的袭击。

「目前的养殖场仅能设在离开海岸2海里以内的范围，但这款全新的海上养殖场，可以设在更远更深的海域，这样可以避免海岸海域受污染时，养殖场的鱼因水质污染而死亡。」



沈志勤（左1）与檳州渔民协会主席纳兹里（左3）和渔民代表们交流，以聆听渔民的问题。

Headline	RM242,000 allocation for slipway, jetty projects		
MediaTitle	New Sarawak Tribune (www.newsarawaktribune.com.my)		
Date	24 Nov 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	4
Order Rank	10	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 600
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,800

RM242,000 allocation for slipway, jetty projects

KUCHING: A total of RM242,000 have been allocated by the state government through Marine Department Sarawak (JPLS) and Malaysian Fisheries Development Authority (LKIM) for the slipway and jetty projects in Kampung Temaga Melayu, Sematan. Deputy Minister...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Ramkarpal: Morally wrong for ministers to award contracts

PETALING JAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad's remark that ministers have the right to award contracts as long as it is within their respective portfolios is shocking and an affront to Pakatan Harapan's reform principles, says a DAP lawmaker

Bukit Gelugor MP Ramkarpal Singh said it was clearly morally wrong for ministers to be giving out contracts, whether within or outside their jurisdictions, as such a practice would undoubtedly create a perception of favouritism on the part of said ministers.

"The concept of open tenders is meant to encourage transparency in the bidding for contracts and promote competitiveness to attract only bidders who perform the best.

"Such a tendering process is aimed at weeding out corruption as the awarding of government contracts cannot be left in the hands of any single person, let alone a minister," he said in a statement yesterday.

Ramkarpal said it was principally for this reason that Pakatan's manifesto carried a pledge to step up efforts to eradicate graft.

He said the PM's statement could lead to ministers assuming they could award contracts as they wished as long as it was within

their purview.

The MP called on the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) not to be influenced by the PM's views, and to strive to ensure that all efforts were taken to probe officials suspected of abusing their positions.

"Transparency in the awarding of contracts must be a priority in our efforts for reform," he said.

Dr Mahathir was reported to have said on Friday that Cabinet ministers were allowed to hand out contracts as long as it was within their respective jurisdictions.

He was quoted as saying that PKR president Datuk Seri Anwar Ibrahim told him during their meeting on Thursday that there were some ministers dishing out contracts.

"Actually, Cabinet ministers have a right to give out contracts, just not in areas apart from their own," Dr Mahathir reportedly said.

After the meet, Anwar issued a statement saying that both of them opposed any effort to deviate from the consensus reached earlier.

He also said the PM had taken note of allegations made against ministers who abused their powers to gain political support through the awarding of contracts.

AGRO

Oleh Aniza Zainuddin
anizazainuddin@hmetro.com.my

Siapa makan cili, dialah terasa pedas!

Pepatah Melayu yang mengambil kira sifat tanaman popular dan menjadi resmi masyarakat tempatan dalam bidang masakan iaitu cili.

Projek penanaman cili kini semakin popular dalam kalangan masyarakat apatah lagi ia mempunyai potensi dan permintaan besar dalam pasaran tempatan.

Potensi bidang penanaman cili turut terbukti menerusi laporan Statistik Tanaman (Sub Sektor Tanaman Makanan) 2018, Jabatan Pertanian Malaysia menunjukkan projek penanaman cili secara fertigasi terbuka mampu meraih keuntungan bersih sebanyak RM275,619 bagi 1,000 polibeg dalam tempoh lima tahun.

Laporan yang sama turut mendedahkan projek penanaman cili bagi tahun berkenaan menggunakan kira-kira 3.195 hektar keluasan tapak penanaman dan berjaya mengeluarkan hasil 33,755 tan metrik.

Mengambil inisiatif sama, pemilik ladang cili fertigasi terbuka, Fairuz Sofian memulakan langkah untuk menceburi lapangan ini sejak

dua tahun lalu, di Kampung Temau, Raub, Pahang.

Memikul tanggungjawab untuk menguruskan penanaman cili fertigasi terbuka, dia mengakui tidak pernah mengikuti kursus berkaitan penanaman cili.

Sebaliknya, petani berusia 35 tahun ini hanya berkunjung ke ladang cili fertigasi bersama abang yang turut sama mengusahakan projek itu sekitar 2014.

Lawatan itu membuka mata dan menarik minat Fairuz menceburi bidang pertanian dan perladangan cili.

Selain membuat pembacaan dan rujukan, dia mendapatkan pengetahuan, maklumat dan pengalaman daripada pengusaha cili serta tanaman lain seperti timun, kacang bendi, terung dan sebagainya.

"Projek penanaman cili fertigasi dilakukan di kawasan tanah lapang di sekitar rumah keluarga seluas setengah ekar dan dibahagikan kepada empat kawasan.

"Berebalkan keluasan sederhana ini, saya menanam kira-kira 3,000 pokok cili yang sudah berbuah.

"Di sini, saya fokus kepada projek penanaman cili hibrid dipanggil F1 Pictor Pan atau lebih dikenali sebagai lada siam panjang.

CILI SIAM FERTIGASI

Fairuz tanam 3,000 pokok
raih anggaran pengeluaran
satu tan sebulan

Jenis cili ini masih baru di pasaran namun mempunyai permintaan tinggi dalam kalangan penduduk tempatan di Raub, Temerloh dan daerah yang lain serta pasar raya dan pasar borong

FAIRUZ



24/11/2019

METRO
AHAD

XPRESI

37



LADANG milik Fairuz.



PROJEK cili memiliki potensi besar.



MULAKAN projek penanaman cili sejak 2017.



SISTEM pengaliran air yang digunakan.

"Jenis cili ini masih baru di pasaran namun mempunyai permintaan tinggi dalam kalangan penduduk tempatan di Raub, Temerloh dan daerah yang lain serta pasar raya dan pasar borong," katanya.

Menggunakan teknologi fertigasi, Fairuz berkata, teknik ini terbukti memberi kesan yang positif terhadap tanaman cili apabila proses pembajaan dan pengaliran

dilakukan secara serentak.

Bagi memastikan kaedah penanaman alternatif ini berjaya, tapak penanaman seharusnya memenuhi kriteria penting, sumber air bersih dan berterusan sama ada dari kolam, tasik, sungai serta perigi.

Berbanding menggunakan tanah sebagai medium utama, petani ini memanfaatkan material sabut kelapa atau coco

peat sekali gus dapat mengelakkan pokok cili mudah rosak, tercemar dan mendapat serangan serangga perosak.

"Bagi proses semaian, saya menggunakan bekas bertubang dan memastika penyiraman benih dilakukan setiap pagi dan petang. Selalunya anak benih akan bercambah dalam jangka masa 44 hari.

"Sementara menanti anak benih cambah, selalunya saya akan mempersiapkan tapak tanaman dan menaik taraf ladang terutama sistem fertigasi.

"Apabila anak benih sudah bercambah, saya akan memindahkannya ke dalam polibeg dan meneruskan proses penjagaan selama sebulan. Saya turut melakukan pembajaan seperti penggunaan baja

foliar organik dengan kekerapan tertentu.

"Selepas tempoh itu, pokok cili akan berbunga dalam jangka masa seminggu dan proses penghasilan buah kira-kira 21 hari," katanya yang menganggarkan pengeluaran satu tan sebulan.

Mengulas mengenai trend tanaman cili, Fairuz mengakui seronok melihat persaingan positif pengusaha hari ini yang lebih berani mengambil langkah untuk maju dan serius.

Katanya, hasil jualan cili turut berkembang apabila wujud persaingan harga bagi memastikan pengusaha lebih berdedikasi dalam bidang ini. Pada masa sama, perkembangan ini membantu pengusaha menambah pendapatan sampingan.

Headline	Menteri Pertanian Lepas Ekspor Produk Olahan Ayam ke Timor Leste dan Jepang		
MediaTitle	Malaysia Shafaqna (malaysia.shafaqna.com)		
Date	24 Nov 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	2
Order Rank	5	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 800
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,400

Menteri Pertanian Lepas Ekspor Produk Olahan Ayam ke Timor Leste dan Jepang

Pelepasan 16 kontainer tersebut dilakukan oleh Menteri Pertanian Syahrul Yasin LimpoBaca tapak asal

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)